



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

USAHAWAN BEP KUSKOP JANA POTENSI JUALAN LEBIH RM300 JUTA DI GULFOOD 2023, DUBAI, EMIRIAH ARAB BERSATU (UAE)

KUALA LUMPUR, 6 MAC 2023 – 11 syarikat Malaysia yang menyertai Gulfood 2023 di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) baru-baru ini di bawah Program Eksport Perniagaan (BEP) telah merekodkan potensi jualan bernilai RM318,515,295 (USD72,525,000). BEP dilaksanakan melalui agensi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) iaitu SME Bank.

Gulfood 2023 yang merupakan pameran perdagangan makanan dan minuman (F&B) terbesar dunia telah diadakan dari 20 hingga 24 Februari 2023. Menurut KUSKOP, potensi jualan bernilai RM318,515,295 melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak RM10 juta dan telah menerima tempahan pembekalan daripada pelbagai negara selepas 4 hari tamatnya penganjuran Gulfood 2023.

Semasa misi Gulfood 2023 tersebut, syarikat Akifcafe Coffee Industries Sdn Bhd telah menandatangani Memorandum Persefahaman RM2.5 juta untuk membekalkan kopi pra campuran untuk syarikat Grand Hypermarket Dubai.

Penyertaan pertama kali usahawan-usahawan di bawah bimbingan KUSKOP di Gulfood 2023 jelas membuktikan Gulfood merupakan salah satu platform hebat dalam menonjolkan pelbagai rangkaian produk halal F&B usahawan-usahawan Malaysia yang berkualiti, inovatif dan berdaya saing untuk pembeli di Dubai serta negara-negara serantau Timur Tengah dan Afrika Utara.

11 syarikat yang menyertai Gulfood 2023 adalah Tisha Food Manufacturing Sdn Bhd, Akifcafe Coffee Industries Sdn Bhd, World Marketing Work Sdn Bhd, Bayu Gagah Marketing (M) Sdn Bhd, SHRF Food Industries Sdn Bhd, CSM Dairy Success Sdn Bhd, Azaib Holdings Sdn Bhd, SD Impex Sdn Bhd, AW Manufacturing Sdn Bhd, The Boom Beverage Sdn Bhd dan Zhafou Global Sdn Bhd.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

No. Tel: 03-8883 6152

E-mel: ukk@kuskop.gov.my